

## DARI VIKARIAT APOSTOLIK BRUNEI: SINTESIS LAPORAN SINODE



### A. UMUM

275 respon telah diterima dari umat Katolik, umat yang sudah tidak aktif dan kanak-kanak Sekolah Minggu.

### B. MAKLUM BALAS

- Iman umat yang berkembang walaupun kecil dan dalam negara majoritinya Islam.
- Penghargaan atas kebebasan untuk pergi ke Misa, dan mengamalkan iman mereka dengan bebas.
- Komuniti kebanyakannya berada di Misa dan mempunyai hanya sedikit hubungan sesama mereka. Terdapat beberapa kumpulan. Kumpulan BM & Mandarin rasa tersisih.
- terdapat penghargaan untuk tiga orang paderi paroki yang melayani dan menjaga 3 buah paroki dan untuk kanak-kanak, atas kemahiran mereka mendengar suara, idea dan cadangan umat. Kerja berpasukan diperlukan di kalangan para klerus dan umat awam.
- kesedihan yang dirasakan dengan pemergian gembala mereka Cornelius Cardinal Sim.
- Komuniti ekspatriat berasa sangat dialu-alukan dan disokong dalam komuniti.
- memerlukan lebih banyak program rohani (dalam bahasa ibunda) untuk umat awam.
- untuk mempromosikan program Pembentukan Iman Dewasa dan program Pembelajaran Alkitab.
- untuk menganalisis dan membawa umat Katolik yang telah tertidur imannya kembali ke Gereja.
- pembaharuan dalam pemimpin dan ibu bapa, diperlukan dalam menjadi contoh teladan.
- untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan pelayanan, untuk mengiktiraf karunia dan talenta, untuk bermurah hati, untuk pelayanan & sokongan komuniti, untuk menginjil dan menggalakkan semua orang.
- Untuk membantu dalam pengamatan dan promosi panggilan.
- Kaum muda berasa tidak berhubung dengan gereja yang tidak banyak menjangkau kepada mereka. Keperluan untuk melihat dan membentuk mereka sebagai tiang masa depan Gereja dan berakar dalam iman dan dalam Gereja. Lebih banyak masa dan pelaburan untuk membina mereka, melibatkan diri dalam komunikasi terbuka mengenai iman Katolik, dalam perjalanan mereka daripada remaja kepada dewasa muda yang bekerja dan menjadi dewasa.

### PENUTUP

Terdapat harapan bahawa buah-buah Roh Kudus yang dilihat melalui proses konsultasi ini akan meletakkan asas bagi gereja untuk mencapai sinodaliti yang lebih besar. ❖

# Newtbec

26 & 27 Ogos 2023

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-21

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :

PERSEKUTUAN (INKLUSIF), PENYERTAAN (KREATIF), MISI (PEMBINAAN JAMBATAN)

(meneruskan ringkasan penemuan laporan Sinodal, ke Roma, oleh Konferens para Uskup Malaysia - Singapura & Brunei)

ACARA BULANAN:  
AGGIORNAMENTO (1976)

FOKUS BULANAN:  
PEMBAHARUAN PERJALANAN

UNTUK  
KEUKSUPAN-KEUKSUPAN  
DI MALAYSIA:  
KESIMPULANNYA



Usaha untuk mengekalkan keharmonian, integrasi, hormat-menghormati dan toleransi beragama di tengah-tengah landskap pelbagai etnik dan budaya, menggambarkan perjalanan Sinode gereja tempatan ke arah menjadi cergas, penyayang dan progresif. Ini akan menarik lebih ramai untuk tampil ke hadapan dalam pelayanan.

## DARI KEUKSUPAN AGUNG SINGAPURA : SINTESIS LAPORAN SINODAL (RINGKASAN)



- A. Lebih 6 bulan dari 2021-2022 - 16,898 umat Katolik memberi respons kepada soalan Sinode.
- B. 7 tema telah dikenalpasti dan diamati dengan lebih lanjut. Bahagian-bahagian focus menurut peringkat keutamaan adalah:
- |                                    |                             |
|------------------------------------|-----------------------------|
| 1. Kerasulan & Kehidupan Kristiani | 2. Pembentukan & Pendidikan |
| 3. Liturgi, Doa & Kerohanian       | 4. Perhubungan              |
| 5. Pentadbiran & Struktur          | 6. Hidup Paroki             |
| 7. Penginjilan                     |                             |

### C. Sintesis

- keinginan yang mendalam untuk menjadi Katolik yang lebih baik, mempunyai kehidupan iman yang lebih kuat, hubungan yang lebih baik dengan Allah dan umatnya.
- agar pembentukan iman dapat diperkukuhkan dengan lebih baik.
- agar kita menjadi Gereja yang lebih mesra, telus dan tidak menghakimi.
- Terdapat dua polariti - (1) Gereja terlalu hierarki dan perlu fleksibel dan (2) ingin melihat lebih penghormatan dan tradisi daripada modenisme.
- Komuniti mempunyai struktur yang baik - dan jika disusun dengan baik, boleh membentuk dan membina hubungan yang bermakna antara semua untuk mengukuhkan perjalanan iman.

### PENUTUP

Majlis Pastoral Keuskupan Agung akan dibentuk untuk melihat dengan lebih mendalam rekomendasi-rekomendasi untuk menghasilkan perancangan pastoral menjelang Disember 2022.

Sumber dari:  
www.cbcm.org

Disunting oleh:  
Fr Eugene  
Pengaraf API

Emel:  
apidirectorkl@gmail.com

EDARAN DALAMAN SAHAJA

BUL 35/2023